

Kuala Lumpur: Produk sarang burung walet tempatan perlu memenuhi 35 syarat ditetapkan kerajaan China jika mahu dipasarkan ke negara berkenaan.



Penuhi 35 syarat eksport burung walet

HM
18/11/16

Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani Datuk Seri Ahmad Shabery Cheek berkata, standard itu ditetapkan hasil perjanjian Protocol of Inspection, Quarantine and Veterinary Hygiene Requirements for the Exportation of Raw-Unclean Edible Birdnest (RUC EBN) yang ditandatangani antara kementerian itu dan AQSIQ China ketika lawatan Perdana Menteri awal

“

Ketika ini ada lebih 10,000 pengusaha di seluruh negara

“di seluruh negara”

Ahmad Shabery Cheek

November lalu.

“Antara dipersetujui dalam perjanjian protokol itu ialah membabitkan pendaftaran premis dan penambahbaikan standard prosedur operasi berkaitan daya jejak, pengawalan, pemantauan penyakit, pensijilan dan sebagainya.” katanya menjawab soalan Datuk Shamsul Anuar Nasarah (BN-Lenggong) di Dewan Rakyat, semalam.

Menurut Ahmad Shabery, ketika ini ada lebih 10,000 pengusaha di seluruh negara dan Jabatan Perkhidmatan Veterinar dipertanggungjawabkan untuk memastikan produk sarang burung walet keluaran tempatan memenuhi syarat yang ditetapkan itu.